

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

20 February 2016

Penerimaan pelabur AS terhadap dasar Malaysia

Bukti mesra pelanggan

um - 20/2/2016



Zulkefli
Hamzah

Melaporkan dari
SAN FRANCISCO, AMERIKA SYARIKAT

■ SAN FRANCISCO 19 FEB.

PENERIMAAN pelabur-pelabur Amerika Syarikat (AS) terhadap Malaysia membuktikan dasar dan pendekatan kerajaan sekarang mesra perniagaan, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Perdana Menteri, ia juga menunjukkan kerajaan mampu melakukan tindakan-tindakan yang efektif untuk meningkatkan keyakinan pelabur.

Rumusan itu dinyatakan oleh kapten industri di Lembah Silikon kepada Najib dalam program makan tengah hari yang umumnya menunjukkan sikap positif terhadap pelaburan mereka di Malaysia.

"Mereka amat menghargai dan kerjasama mereka melalui MIDA (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia) amat menyenangkan hati mereka," katanya kepada wartawan Malaysia pada akhir lawatan beliau ke AS di sini.

Pada majlis makan tengah hari itu Pengerusi Eksekutif dan Ketua Eksekutif Finisar Corporation, Jerry S. Rawls berucap mewakili kapten industri yang hadir antaranya syarikat multi nasional seperti Seagate, Cisco dan Western Digital.

Finisar, pengeluar fiber optik terbesar dunia telah melabur di Malaysia sejak 2001 di Chemor, Perak. Syarikat ini beroperasi di 10 buah negara dengan 14,000 tenaga kerja.

Dalam pada itu, Rawls semasa ditemui selepas menerima surat pembaharuan status perintis dalam satu majlis berasingan, berkata, Finisar yang hanya mempunyai 40



NAJIB TUN RAZAK bersalaman dengan Jerry S. Rawls ketika mengadakan lawatan di Lembah Silikon, San Jose, Amerika Syarikat, baru-baru ini. - BERNAMA

pekerja pada 2001, kini berkembang pesat dengan lebih 6,000 pekerja.

"Kita rancang untuk mengambil lebih ramai pekerja. Kita jangka akan tambah keluasan kilang daripada 9,290 meter persegi yang ada di Chemor," katanya.

Beliau menambah, Finisar yang telah membuat pelaburan RM674 juta juga merancang untuk menambah pelaburan RM210 juta dalam tiga hingga empat tahun akan datang.

"Malaysia negara bagus untuk pelaburan, Finisar mempunyai pekerja rajin dan setia. Bekalan tenaga kerja yang stabil, mudah lakukan perdagangan, infrastruktur termasuk komunikasi yang baik dan cuaca juga selalu bagus," katanya merujuk

cuaca di San Francisco yang tidak banyak berbeza dengan Malaysia.

Jelas beliau, di Malaysia juga tiada gempa bumi dan gunung berapi yang memberikan risiko kilang terpaksa ditutup sebagaimana dialami di kilang mereka di Timur Eropah berikutan salji tebal.

"Perolehan kita mencapai RM5.27 bilion pada 2015. Betul, kita menyumbang sehingga 25 peratus daripada sektor pembuatan di Perak dan 5 peratus daripada KDNK (Keluaran Dalam Negeri Kasar) di Perak.

"Ini kedengaran besar di Perak tapi mungkin kecil di Pulau Pinang," katanya semasa ditanya sumbangan besar Finisar di Perak. - UTUSAN



Malaysia negara bagus untuk pelaburan, Finisar mempunyai pekerja rajin dan setia. Bekalan tenaga kerja yang stabil, mudah lakukan perdagangan, infrastruktur termasuk komunikasi yang baik dan cuaca juga selalu bagus."

JERRY S. RAWLS
Pengerusi Eksekutif dan Ketua Eksekutif Finisar Corporation,